



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



# BANCI 2024 PERTANIAN

## LAPORAN INTERIM LADA







KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# LAPORAN INTERIM BANCI PERTANIAN 2024

## LADA

### Pemakluman

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkuuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia julung kalinya berjaya menduduki tempat pertama di peringkat global di dalam laporan dwitahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW) dengan mengatasi 198 buah negara yang lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.



Diterbitkan dan dicetak oleh :

**Jabatan Perangkaan Malaysia**

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62514 Putrajaya,  
**MALAYSIA**

Tel.	: 03-8885 7000
Faks	: 03-8888 9248
Portal	: <a href="https://www.dosm.gov.my">https://www.dosm.gov.my</a>
Facebook / Twitter / Instagram /	: StatsMalaysia
Youtube	
Emel	: info@dosm.gov.my (pertanyaan umum ) data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data)
Harga / Price	: RM70.00

Diterbitkan pada Mei 2025

**Hakcipta terpelihara**

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa juar pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia”

**ISBN 978-967-253-935-3**

## KATA PENGANTAR

Laporan Interim Banci Pertanian 2024: Lada membentangkan statistik lada di Malaysia bagi tahun rujukan 2023. Penerbitan ini mengandungi maklumat profil pegangan pertanian meliputi individu dan pertubuhan serta penemuan parameter banci bagi tanaman lada.

Penyusunan statistik ini merujuk kepada manual *World Programme for the Census of Agriculture* (WCA) 2020 bagi tempoh 2016 hingga 2025 yang menyarankan negara supaya melaksanakan Banci Pertanian sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh sepuluh tahun. Malaysia merupakan antara negara yang melaksanakan Banci Pertanian pada tahun 2024 bagi tahun rujukan 2023.

Dalam menghasilkan profil dan statistik pertanian melalui pelaksanaan Banci Pertanian 2024, kerjasama strategik antara Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dengan pemegang taruh iaitu Kementerian Pertanian & Keterjaminan Makanan, Kementerian Perladangan & Komoditi, Kementerian Sumber Asli & Kelestarian Alam dan Kerajaan Negeri telah terjalin erat bagi menjamin integriti data.

Penerbitan ini memaparkan ringkasan penemuan keseluruhan pengeluaran lada dan jadual statistik terperinci merangkumi keluasan bertanam, keluasan berhasil, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan & nilai jualan. Manakala, nota teknikal menerangkan konsep & definisi dan kata singkatan bagi memudahkan pengguna memahami statistik yang diterbitkan.

Semoga statistik dalam penerbitan ini dapat dimanfaatkan oleh agensi kerajaan untuk tujuan perancangan dan penggubalan dasar, pemantauan serta penilaian keberkesanan program pembangunan pertanian negara. Sementara itu, ahli ekonomi, ahli akademik dan individu boleh menggunakan statistik ini dalam analisis serta penyelidikan sosial dan ekonomi.

DOSM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kerjasama yang diberikan oleh semua pihak yang telah menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam merealisasikan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan penerbitan ini pada masa akan datang amatlah dihargai.

### **DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN**

Ketua Perangkawan Malaysia  
merangkap Pesuruhjaya Banci Pertanian 2024  
Mei 2025

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**




# BANCI PERTANIAN 2024

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

## BANCI PERTANIAN 2024

Banci Pertanian 2024 merupakan banci keempat dilaksanakan sejak penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Pelaksanaan banci ini adalah sejajar dengan manual *World Programme for the Census of Agriculture* (WCA) 2020 yang menyarankan setiap negara ahli melaksanakan Banci Pertanian sekurang-kurangnya sekali bagi tempoh 2016 hingga 2025. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 November 2023 telah bersetuju supaya Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) di bawah Kementerian Ekonomi melaksanakan Banci Pertanian 2024. Tadbir urus Banci Pertanian 2024 terdiri daripada Jawatankuasa Pemandu Banci yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan Jawatankuasa Utama Banci yang dipengerusikan oleh Ketua Perangkawan Malaysia selaku Pesuruhjaya Banci serta melibatkan pelbagai agensi pelaksana di peringkat persekutuan dan negeri iaitu Timbalan Pesuruhjaya, Penolong Pesuruhjaya dan Pengguna Daerah. Selain itu hampir tujuh ribu orang terdiri daripada Penyelia dan Pembanci telah dilantik bagi sepanjang tempoh pelaksanaan banci.



Operasi Banci Pertanian 2024 telah bermula pada 7 Julai 2024 dan tamat pada 31 Oktober 2024. Banci ini telah melalui proses transformasi dengan penggunaan ICT yang terkini bagi aktiviti pembancian melalui sistem MyAgriCensus.

*Outcome* Banci Pertanian 2024 akan memberi tumpuan kepada agenda nasional dan menjadi penanda aras baharu bagi sektor pertanian negara. Maklumat yang berintegriti dan *reliable* digunakan sebagai input dalam membuat keputusan berdasarkan bukti untuk perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian *blueprint* pembangunan negara. Satu platform khas iaitu Sistem Integrasi Digital Pangkalan Data Pertanian Bersepadu, TaniStats telah dibangunkan untuk menyediakan data di hujung jari yang dapat memenuhi keperluan pemegang taruh dalam perancangan pembangunan sosio ekonomi. Secara tidak langsung, ia dapat merapatkan jurang digital dalam capaian sumber data yang pelbagai dan kompleks. TaniStats akan mengintegrasikan data pertanian daripada pelbagai sumber dan platform ini menyokong pembangunan dasar yang berdasarkan data (*data-driven policy*), mempercepat proses analisis trend dan impak. Ia juga membolehkan perancangan yang lebih bersasar dan responsif terhadap isu semasa. Secara keseluruhan, platform ini menyumbang ke arah tadbir urus sektor pertanian yang lebih strategik, telus dan berimpak tinggi. Platform ini menyebarkan maklumat berkaitan penemuan utama Banci Pertanian 2024, serta pelbagai informasi sokongan lain yang relevan. Halaman utama portal TaniStats ini merangkumi:

- a) Penerangan ringkas mengenai maksud dan fungsi utama TaniStats sebagai sistem bersepadu untuk statistik sektor pertanian;
- b) Rasional dan keperluan pembangunan sistem ini dalam menyokong perancangan dan pemantauan sektor pertanian negara;
- c) Kepentingan sistem ini dalam menyediakan data yang tepat, pantas dan bersepadu untuk pelbagai pihak; dan
- d) Peranan TaniStats dalam memperkuuh dasar, memacu pertumbuhan sektor agromakanan, serta menyokong pembangunan mampan negara.

TaniStats juga mengandungi MyAgroPrice iaitu satu platform interaktif yang memaparkan maklumat terkini harga produk pertanian terpilih dengan liputan siri masa secara bulanan dari tahun 2020 hingga 2024. Papan pemuka ini memaparkan perubahan harga di peringkat rantai edaran produk pertanian iaitu harga Ladang, Borong dan Runcit mengikut negeri. MyAgroPrice merupakan inovasi yang memberikan maklumat paras dan perubahan harga produk pertanian terpilih yang boleh dimanfaatkan oleh pengguna bagi keputusan kepenggunaan.

Keberhasilan utama banci ini juga adalah berkaitan pengukuran statistik pertanian. Banci Pertanian kini akan dilaksanakan setiap 10 tahun secara berkala bagi memastikan ketersediaan data baseline yang kemaskini, selari dengan keperluan semasa dan cabaran masa hadapan. Bagi memperkuatkan ketersediaan data pertanian, survei pertanian jangka pendek akan dilaksanakan secara berkala mulai 2026.

Selain itu, penerbitan Indikator Keterjaminan Makanan secara tahunan, Indeks Pengeluaran Pertanian secara suku tahunan dan Indeks Keterjaminan Makanan akan diterbitkan bagi sumber rujukan dalam merangka hala tuju sektor pertanian negara.

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

# **KANDUNGAN**

	<b>Muka Surat</b>
<b>Kata Pengantar</b>	iii
<b>Banci Pertanian 2024</b>	vii
<b>Kandungan</b>	xi
<b>Ringkasan Penemuan</b>	15
<b>Jadual Statistik</b>	47
<b>Nota Teknikal</b>	163
<b>Penghargaan</b>	181
<b>Lampiran</b>	189

<b>Jadual</b>	<b>Senarai Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
Jadual 1.0	Pegangan Pertanian bagi Tanaman Lada mengikut Negeri, Malaysia, 2023	47
Jadual 1.1	Pegangan Pertanian bagi Subsektor Tanaman Lada mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	48
Jadual 1.2	Pegangan Pertubuhan bagi Tanaman Lada mengikut Negeri, Malaysia, 2023	53
Jadual 1.3	Pegangan Pertubuhan bagi Tanaman Lada mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	54
Jadual 2.0	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lada mengikut Negeri dan Kewarganegaraan, Malaysia, 2023	61
Jadual 2.1	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lada mengikut Daerah Pentadbiran dan Kewarganegaraan, Malaysia	62
Jadual 2.2	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lada mengikut Negeri dan Jantina, Malaysia, 2023	67
Jadual 2.3	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lada mengikut Daerah Pentadbiran dan Jantina, Malaysia, 2023	68
Jadual 2.4	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lada mengikut Negeri dan Kumpulan Umur, Malaysia, 2023	73
Jadual 2.5	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lada mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Umur, Malaysia, 2023	74
Jadual 2.6	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lada mengikut Negeri dan Etnik, Malaysia, 2023	83
Jadual 2.7	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lada mengikut Daerah Pentadbiran dan Etnik, Malaysia, 2023	84
Jadual 2.8	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lada mengikut Negeri dan Taraf Perkahwinan, Malaysia, 2023	93
Jadual 2.9	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lada mengikut Daerah Pentadbiran dan Taraf Perkahwinan, Malaysia, 2023	94
Jadual 2.10	Individu Pegangan Pertanian bagi Tanaman Lada mengikut Negeri dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Malaysia, 2023	103
Jadual 2.11	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lada mengikut Daerah Pentadbiran dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Malaysia, 2023	106

<b>Jadual</b>	<b>Senarai Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
Jadual 3.0	Parameter Utama bagi Tanaman Lada mengikut Negeri, Malaysia, 2023	133
Jadual 3.1	Keluasan Bertanam bagi Tanaman Lada mengikut Negeri, Malaysia, 2023	134
Jadual 3.2	Keluasan Bertanam bagi Tanaman Lada mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	135
Jadual 3.3	Keluasan Bertuai bagi Tanaman Lada mengikut Negeri, Malaysia, 2023	140
Jadual 3.4	Keluasan Bertuai bagi Tanaman Lada mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	141
Jadual 3.5	Kuantiti Pengeluaran bagi Tanaman Lada mengikut Negeri, Malaysia, 2023	146
Jadual 3.6	Kuantiti Pengeluaran bagi Tanaman Lada mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	147
Jadual 3.7	Kuantiti dan Nilai Jualan bagi Tanaman Lada mengikut Negeri, Malaysia, 2023	152
Jadual 3.8	Kuantiti dan Nilai Jualan bagi Tanaman Lada mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	153

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**



## **RINGKASAN PENEMUAN**

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**



# PROFIL PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU TANAMAN LADA, MALAYSIA, 2023

## Kewarganegaraan



**Warganegara**  
**32,187**  
**(99.99%)**



**Bukan Warganegara**  
**4**  
**(0.01%)**

## Jantina



**Lelaki**  
**27,240**  
**(84.6%)**



**Perempuan**  
**4,951**  
**(15.4%)**

## Kumpulan Umur



**15 - 30 tahun**  
**653**  
**(2.0%)**



**31 - 45 tahun**  
**5,045**  
**(15.7%)**



**46 - 59 tahun**  
**12,563**  
**(39.0%)**



**60 tahun ke atas**  
**13,930**  
**(43.3%)**

## Kumpulan Etnik



**Bumiputera**  
**31,403**  
**(97.5%)**



**Cina**  
**760**  
**(2.4%)**



**India**  
**6**  
**(0.02%)**



**Lain-Lain**  
**18**  
**(0.06%)**

## Taraf Perkahwinan



**Tidak Pernah Berkahwin**  
**2,665**  
**(8.3%)**



**Bercerai/ Berpisah**  
**790**  
**(2.4%)**



**Berkahwin**  
**25,564**  
**(79.4%)**



**Balu/ Duda**  
**3,172**  
**(9.9%)**

## Taraf Pendidikan



**Tiada Sijil**  
**13,447**  
**(41.5%)**



**Pendidikan Rendah**  
**11,790**  
**(36.6%)**



**Pendidikan Menengah**  
**6,503**  
**(20.2%)**



**Pendidikan Tertiari**  
**447**  
**(1.7%)**

Sumber: Banci Pertanian 2024





# PROFIL PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU TANAMAN LADA, MALAYSIA, 2023

## SEMENANJUNG MALAYSIA

### Kewarganegaraan



**Warganegara**  
**155**  
(100%)



**Bukan Warganegara**  
-

### Jantina



**Lelaki**  
**130**  
(83.9%)



**Perempuan**  
**25**  
(16.1%)

### Kumpulan Umur



**15 - 30 tahun**  
**11**  
(7.1%)



**31 - 45 tahun**  
**33**  
(21.3%)



**46 - 59 tahun**  
**59**  
(38.1%)



**60 tahun ke atas**  
**52**  
(33.5%)

### Kumpulan Etnik



**Bumiputera**  
**126**  
(81.3%)



**Cina**  
**25**  
(16.1%)




**India**  
**3**  
(1.9%)



**Lain-Lain**  
**1**  
(0.7%)

### Taraf Perkahwinan



**Tidak Pernah Berkahwin**  
**14**  
(9.0%)



**Bercerai/ Berpisah**  
**3**  
(1.9%)



**Berkahwin**  
**130**  
(83.9%)



**Balu/ Duda**  
**8**  
(5.2%)

### Taraf Pendidikan



**Tiada Sijil**  
**11**  
(7.2%)



**Pendidikan Rendah**  
**32**  
(20.6%)



**Pendidikan Menengah**  
**78**  
(50.3%)



**Pendidikan Tertiari**  
**34**  
(21.9%)

Sumber: Banci Pertanian 2024





# PROFIL PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU TANAMAN LADA, MALAYSIA, 2023

## SABAH

### Kewarganegaraan



**Warganegara**  
**318**  
(99.1%)



**Bukan Warganegara**  
**3**  
(0.9%)

### Jantina



**Lelaki**  
**251**  
(78.2%)



**Perempuan**  
**70**  
(21.8%)

### Kumpulan Umur



**15 - 30 tahun**  
**13**  
(4.0%)



**31 - 45 tahun**  
**51**  
(15.9%)



**46 - 59 tahun**  
**146**  
(45.5%)



**60 tahun ke atas**  
**111**  
(34.6%)

### Kumpulan Etnik



**Bumiputera**  
**310**  
(97.5%)



**Cina**  
**6**  
(1.9%)



**India**



**Lain-Lain**  
**2**  
(0.6%)

### Taraf Perkahwinan



**Tidak Pernah Berkahwin**  
**19**  
(5.9%)



**Bercerai/ Berpisah**  
**4**  
(1.2%)



**Berkahwin**  
**269**  
(83.9%)



**Balu/ Duda**  
**29**  
(9.0%)

### Taraf Pendidikan



**Tiada Sijil**  
**68**  
(21.2%)



**Pendidikan Rendah**  
**122**  
(38.0%)



**Pendidikan Menengah**  
**112**  
(34.9%)



**Pendidikan Tertiari**  
**19**  
(5.9%)

Sumber: Banci Pertanian 2024





# PROFIL PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU TANAMAN LADA, MALAYSIA, 2023

## SARAWAK

### Kewarganegaraan



**Warganegara**  
**31,714**  
**(99.97%)**



**Bukan Warganegara**  
**1**  
**(0.03%)**

### Jantina



**Lelaki**  
**26,859**  
**(84.7%)**



**Perempuan**  
**4,856**  
**(15.3%)**

### Kumpulan Umur



**15 - 30 tahun**  
**629**  
**(2.0%)**



**31 - 45 tahun**  
**4,961**  
**(15.6%)**



**46 - 59 tahun**  
**12,358**  
**(39.1%)**



**60 tahun ke atas**  
**13,767**  
**(43.4%)**

### Kumpulan Etnik



**Bumiputera**  
**30,967**  
**(97.64%)**



**Cina**  
**729**  
**(2.3%)**



**India**  
**3**  
**(0.01%)**



**Lain-Lain**  
**15**  
**(0.05%)**

### Taraf Perkahwinan



**Tidak Pernah Berkahwin**  
**2,632**  
**(8.3%)**



**Berserai/Berpisah**  
**783**  
**(2.5%)**



**Berkahwin**  
**25,165**  
**(79.3%)**



**Balu/Duda**  
**3,135**  
**(9.9%)**



**Tiada Sijil**  
**13,368**  
**(42.2%)**



**Pendidikan Rendah**  
**11,636**  
**(36.7%)**



**Pendidikan Menengah**  
**6,313**  
**(19.9%)**



**Pendidikan Tertiari**  
**398**  
**(1.2%)**

Sumber: Banci Pertanian 2024






KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# PARAMETER UTAMA TANAMAN LADA, MALAYSIA, 2023

## MALAYSIA



### Tiga Negeri Teratas Bagi Pengeluaran Lada, Malaysia, 2023

Kuantiti Pengeluaran (tan metrik)	35,605.9 (99.1%)	137.5 (14.7%)	121.7 (0.3%)
Individu	35,602.1 (99.9%)	137.5 (100%)	49.1 (27.4%)
Pertubuhan	3.8 (0.01%)	-	72.6 (59.7%)

Sumber: Banci Pertanian 2024






KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# PARAMETER UTAMA TANAMAN LADA, 2023

## SEMENANJUNG MALAYSIA



### Tiga Daerah Teratas Bagi Pengeluaran Lada, 2023

	Kota Tinggi	Kinta	Sik
Kuantiti Pengeluaran (Tan Metrik)	66.8	22.0	20.7
Individu	2.9 (4.5%)	13.1 (59.5%)	2.7 (13.0%)
Pertubuhan	63.9 (95.5%)	8.9 (40.5%)	17.3 (86.7%)

Sumber: Banci Pertanian 2024







KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# PARAMETER UTAMA TANAMAN LADA, 2023

## SABAH



### Tiga Daerah Teratas Bagi Pengeluaran Lada, 2023

	Keningau	Tambunan	Kota Belud
<b>Kuantiti Pengeluaran (tan metrik)</b>	40.4	31.4	13.5
<b>Individu</b>	40.4 (100%)	31.4 (100.0%)	13.5 (100.0%)
<b>Pertubuhan</b>	-	-	-

Sumber: Banci Pertanian 2024






KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# PARAMETER UTAMA TANAMAN LADA, 2023

## SARAWAK



### Tiga Daerah Teratas Bagi Pengeluaran Lada, 2023

	Julau	Tebedu	Serian
Kuantiti Pengeluaran (tan metrik)	5,133.4	3,492.3	3,289.1
Individu	5,133.4 (100.0%)	3,492.3 (100.0%)	3,289.1 (100.0%)
Pertubuhan	-	-	-

Sumber: Banci Pertanian 2024





KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

## LIMA NEGARA PENGELUAR LADA TERTINGGI DI DUNIA, 2023



2 BRAZIL

Kuantiti  
Pengeluaran  
(tan metrik)  
**111,000**



4 INDIA

Kuantiti  
Pengeluaran  
(tan metrik)  
**70,169**



1 VIET NAM

Kuantiti  
Pengeluaran  
(tan metrik)  
**302,000**



5 SRI LANKA

Kuantiti  
Pengeluaran  
(tan metrik)  
**65,740**



3 INDONESIA

Kuantiti  
Pengeluaran  
(tan metrik)  
**89,000**

Sumber : Food and Agriculture Organization of the United Nations (FAO)





KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# PENDUDUK DAN INDIKATOR DEMOGRAFI

Negeri	Penduduk (juta)										
	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024 <sup>p</sup>
Malaysia	30.7	31.2	31.6	32.0	32.4	32.5	32.4	32.6	32.7	33.4	34.1
Johor	3.6	3.6	3.7	3.7	3.7	3.8	4.0	4.0	4.0	4.1	4.2
Kedah	2.1	2.1	2.1	2.1	2.2	2.2	2.1	2.2	2.2	2.2	2.2
Kelantan	1.7	1.8	1.8	1.8	1.9	1.9	1.8	1.8	1.8	1.9	1.9
Melaka	0.9	0.9	0.9	0.9	0.9	0.9	1.0	1.0	1.0	1.0	1.0
Negeri Sembilan	1.1	1.1	1.1	1.1	1.1	1.1	1.2	1.2	1.2	1.2	1.2
Pahang	1.6	1.6	1.6	1.6	1.7	1.7	1.6	1.6	1.6	1.6	1.7
Perak	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.6
Perlis	0.2	0.2	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3
Pulau Pinang	1.7	1.7	1.7	1.7	1.8	1.8	1.7	1.7	1.7	1.8	1.8
Sabah	3.7	3.7	3.8	3.9	3.9	3.9	3.4	3.4	3.4	3.6	3.7
Sarawak	2.7	2.7	2.7	2.8	2.8	2.8	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5
Selangor	6.1	6.2	6.3	6.4	6.5	6.5	7.0	7.1	7.0	7.2	7.4
Terengganu	1.1	1.2	1.2	1.2	1.2	1.2	1.1	1.2	1.2	1.2	1.2
W.P. Kuala Lumpur	1.7	1.8	1.8	1.8	1.8	1.8	2.0	2.0	2.0	2.0	2.1
W.P. Labuan	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1
W.P. Putrajaya	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1

Negeri	Nisbah Jantina										
	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023 <sup>p</sup>	2024 <sup>e</sup>
Malaysia	107	108	108	108	108	108	110	109	109	110	111
Johor	113	113	113	113	113	112	115	114	113	114	116
Kedah	103	103	103	103	103	103	104	104	104	104	104
Kelantan	101	101	101	101	101	101	101	101	101	101	101
Melaka	104	105	105	106	106	107	111	111	110	111	113
Negeri Sembilan	109	109	109	109	109	109	108	108	107	108	108
Pahang	114	114	114	114	114	113	113	112	112	113	114
Perak	104	104	104	104	104	104	109	108	108	109	110
Perlis	98	98	99	99	99	99	100	100	100	100	99
Pulau Pinang	103	103	104	104	105	105	105	105	105	105	105
Sabah	110	110	110	110	110	110	109	109	109	109	109
Sarawak	108	109	109	109	109	109	107	107	107	107	107
Selangor	109	109	109	108	108	108	113	112	112	113	115
Terengganu	104	104	104	103	104	103	105	105	105	105	106
W.P. Kuala Lumpur	107	108	109	109	110	110	115	114	113	115	117
W.P. Labuan	105	105	105	105	105	105	106	105	105	105	105
W.P. Putrajaya	91	92	93	93	94	94	96	97	97	97	98

Negeri	Struktur Umur											
	2021			2022			2023			2024 <sup>e</sup>		
	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun
Malaysia	7,684.8	22,601.3	2,290.2	7,579.7	22,754.7	2,363.7	7,569.2	23,347.4	2,485.2	7,554.2	23,894.3	2,610.2
Johor	949.3	2,812.1	258.6	930.9	2,827.4	270.0	914.2	2,904.3	288.8	911.0	2,965.8	309.4
Kedah	536.5	1,436.0	179.1	533.5	1,444.6	185.0	535.0	1,461.5	192.8	534.0	1,482.1	201.4
Kelantan	538.9	1,153.6	119.8	539.0	1,168.9	122.7	536.6	1,195.5	127.7	534.3	1,221.3	132.9
Melaka	234.1	705.3	65.1	234.9	706.7	66.9	234.8	724.4	69.1	233.7	742.5	70.9
Negeri Sembilan	300.9	817.3	86.0	299.4	820.2	88.3	296.5	836.7	91.7	294.8	850.4	94.9
Pahang	418.3	1,079.2	104.0	411.4	1,096.0	106.9	405.8	1,127.3	110.1	398.6	1,156.5	113.1
Perak	573.9	1,707.7	234.2	564.8	1,710.0	239.7	554.1	1,740.0	247.2	545.2	1,769.9	254.5
Perlis	57.3	207.3	23.0	57.6	208.8	23.4	57.3	211.9	23.9	58.0	214.4	24.4
Pulau Pinang	342.9	1,274.5	122.6	336.7	1,275.8	128.5	337.4	1,299.2	136.1	336.7	1,319.7	144.0
Sabah	882.8	2,334.1	195.7	855.9	2,357.6	201.5	878.0	2,502.0	216.8	889.5	2,621.5	231.3
Sarawak	532.5	1,740.0	193.1	521.3	1,753.7	198.5	513.6	1,780.3	208.4	507.2	1,793.1	217.8
Selangor	1,531.6	4,978.7	504.5	1,516.7	5,008.8	524.9	1,532.2	5,119.9	557.6	1,540.8	5,229.0	593.5
Terengganu	333.7	770.0	67.0	336.8	781.1	68.7	340.2	798.1	71.8	343.5	813.8	74.8
W.P. Kuala Lumpur	382.9	1,449.7	131.4	371.6	1,457.0	132.6	364.6	1,504.5	136.6	359.1	1,568.7	139.7
W.P. Labuan	26.0	65.8	4.3	26.0	66.3	4.6	26.2	68.0	4.9	26.2	69.5	5.2
W.P. Putrajaya	43.3	70.3	1.7	43.4	71.8	1.9	42.9	73.9	2.1	41.8	76.2	2.3

Nota:

Statistik penduduk bagi tahun 2020-2024 telah disemak semula berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020) manakala statistik bagi tahun 2012-2019 adalah berdasarkan Banci 2010 dan akan disemak semula

Sumber: Jadual Hayat Ringkas, Malaysia, 2022-2024



@StatsMalaysia





KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# PENDUDUK DAN INDIKATOR DEMOGRAFI

Negeri	Kadar Kelahiran Kasar (bagi setiap 1,000 penduduk)										
	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
<b>Malaysia</b>	<b>17.8</b>	<b>16.7</b>	<b>17.2</b>	<b>16.7</b>	<b>16.1</b>	<b>15.9</b>	<b>15.5</b>	<b>15.1</b>	<b>14.5</b>	<b>13.5</b>	<b>12.9</b>
Johor	17.5	16.5	17.0	16.8	16.3	16.5	16.3	16.0	14.2	12.4	12.0
Kedah	18.2	17.2	17.7	17.5	17.0	17.1	16.5	15.9	15.9	15.4	14.2
Kelantan	22.4	21.6	22.8	22.2	21.4	21.4	20.6	19.6	20.2	19.2	18.5
Melaka	16.9	16.0	16.7	16.4	16.0	15.8	15.6	15.2	13.9	13.1	13.0
Negeri Sembilan	16.9	16.3	17.3	16.9	16.4	16.2	16.2	15.5	14.3	13.9	13.2
Pahang	17.7	17.2	18.1	17.5	17.0	16.7	16.2	15.5	15.9	15.3	14.6
Perak	15.5	14.5	14.9	14.7	14.4	14.0	13.5	13.2	12.7	12.2	11.7
Perlis	17.3	16.7	18.4	17.4	17.5	17.6	17.2	16.0	14.4	14.2	12.9
Pulau Pinang	14.7	12.9	13.6	13.1	12.7	12.3	11.7	11.4	11.3	10.7	10.2
Sabah	16.9	15.7	15.6	14.7	13.7	13.6	13.6	13.6	14.5	12.2	12.8
Sarawak	16.8	15.3	15.4	14.7	13.9	13.6	13.1	13.1	14.4	12.7	12.5
Selangor	18.9	17.5	18.0	17.5	16.6	16.3	15.8	15.2	13.4	12.8	11.9
Terengganu	23.5	22.9	23.7	23.8	23.3	23.1	23.0	21.8	23.6	22.5	21.3
W.P. Kuala Lumpur	15.9	14.7	15.6	14.5	14.4	13.8	13.5	13.4	11.7	10.7	10.1
W.P. Labuan	19.6	19.1	19.9	20.5	18.1	17.3	17.1	16.9	18.0	15.9	14.2
W.P. Putrajaya	40.2	37.3	37.9	34.6	30.4	28.8	24.7	22.3	19.6	18.3	15.7

Negeri	Kadar Kematian Kasar (bagi setiap 1,000 penduduk)										
	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
<b>Malaysia</b>	<b>4.7</b>	<b>4.7</b>	<b>4.9</b>	<b>5.0</b>	<b>5.1</b>	<b>5.3</b>	<b>5.3</b>	<b>5.4</b>	<b>5.1</b>	<b>6.9</b>	<b>6.3</b>
Johor	5.0	5.1	5.0	5.2	5.5	5.6	5.6	5.8	5.1	6.7	6.3
Kedah	6.1	6.1	6.3	6.5	6.5	6.7	6.7	6.6	6.4	8.6	8.1
Kelantan	6.0	6.0	6.1	6.1	6.0	6.1	6.1	6.1	6.1	7.7	7.3
Melaka	5.4	5.5	5.4	5.6	5.8	6.0	5.9	6.0	5.5	7.1	6.6
Negeri Sembilan	5.6	5.8	5.9	6.1	6.2	6.4	6.5	6.4	5.8	7.6	7.1
Pahang	5.0	5.2	5.2	5.3	5.5	5.6	5.6	5.5	5.5	6.5	6.8
Perak	6.8	6.7	6.9	7.0	7.2	7.2	7.4	7.5	7.2	8.5	8.9
Perlis	6.9	7.2	6.8	7.1	7.5	8.0	8.1	7.9	6.8	7.8	8.4
Pulau Pinang	5.6	5.7	5.8	6.0	6.2	6.2	6.4	6.2	6.1	8.0	7.4
Sabah	2.3	2.3	3.3	3.4	3.4	3.6	3.6	3.8	4.3	5.5	5.1
Sarawak	4.4	4.3	4.4	4.5	4.6	4.7	5.0	5.0	5.8	7.1	6.7
Selangor	3.7	3.7	3.7	3.9	4.1	4.2	4.2	4.3	3.6	6.0	4.7
Terengganu	5.6	5.8	5.7	5.8	5.8	5.8	5.8	5.9	5.9	7.2	7.3
W.P. Kuala Lumpur	4.1	4.2	4.4	4.3	4.5	4.6	4.7	5.0	4.2	6.8	5.1
W.P. Labuan	2.7	2.7	2.9	2.6	2.9	2.5	2.9	3.0	3.4	5.4	4.0
W.P. Putrajaya	1.8	2.1	2.4	2.3	1.9	2.6	2.2	2.0	1.9	2.3	2.2

Negeri	Jangkaan Hayat Ketika Lahir (Lelaki & Perempuan)										
	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023 <sup>p</sup>	2024 <sup>e</sup>
<b>Malaysia</b>	<b>74.5</b>	<b>74.6</b>	<b>74.4</b>	<b>74.4</b>	<b>74.6</b>	<b>74.8</b>	<b>74.7</b>	<b>74.0</b>	<b>73.8</b>	<b>74.0</b>	<b>75.2</b>
Johor	74.3	74.3	74.2	74.1	74.3	74.4	74.3	73.6	73.5	73.8	74.9
Kedah	73.1	73.1	72.9	73.0	73.1	73.4	73.1	72.2	71.7	71.7	73.0
Kelantan	71.9	72.0	72.0	72.2	72.4	72.6	72.2	71.6	71.4	71.8	73.2
Melaka	74.5	74.6	74.5	74.5	74.7	74.9	74.0	73.1	73.0	73.2	74.3
Negeri Sembilan	73.5	73.6	73.4	73.4	73.5	73.8	73.3	73.1	72.9	73.1	74.0
Pahang	73.1	73.2	73.3	73.4	73.6	73.9	72.9	72.6	72.4	72.3	73.1
Perak	74.0	74.0	74.0	73.9	74.0	74.2	73.7	73.3	73.0	72.9	73.8
Perlis	73.0	73.0	72.4	72.0	72.0	72.0	72.8	72.4	72.3	72.4	73.5
Pulau Pinang	74.8	74.8	74.8	74.9	75.2	75.5	74.2	73.7	73.5	73.7	74.7
Sabah	73.5	73.8	74.2	74.2	74.2	74.2	74.3	73.4	73.1	73.8	75.1
Sarawak	76.3	76.3	76.3	76.2	76.4	76.3	75.1	74.5	74.3	74.5	75.2
Selangor	75.1	75.1	75.1	75.1	75.4	75.7	77.4	76.4	76.2	76.5	78.0
Terengganu	71.3	71.4	71.6	71.8	72.1	72.2	71.7	71.3	71.0	71.1	72.2
W.P. Kuala Lumpur	76.1	76.2	76.6	76.5	76.7	76.9	76.4	75.1	75.1	75.3	76.2
W.P. Labuan	76.1	76.3	77.4	77.3	77.6	77.6	75.4	74.5	74.4	76.2	77.8
W.P. Putrajaya	71.7	72.1	72.3	72.2	73.3	73.8	74.5	74.6	74.2	74.0	74.5

**Nota:**

Statistik penduduk bagi tahun 2020-2024 telah disemak semula berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020) manakala statistik bagi tahun 2012-2019 adalah berdasarkan Banci 2010 dan akan disemak semula

Sumber: Jadual Hayat Ringkas, Malaysia, 2022-2024



@StatsMalaysia



**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

## 1.0 PENGENALAN

Laporan ini membentangkan parameter utama tanaman lada hasil dapatan Banci Pertanian 2024 bagi tahun rujukan 2023. Parameter yang dipaparkan dalam laporan interim ini meliputi bilangan pegangan pertanian yang terdiri daripada pegangan pertanian individu dan pertubuhan yang menjalankan aktiviti tanaman lada untuk tujuan jualan. Lokasi pegangan pertanian bagi aktiviti tanaman padi merujuk kepada lokasi tempat tinggal bagi pegangan pertanian individu, manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan merujuk kepada alamat pertubuhan berada. Selain itu, laporan ini turut mengandungi maklumat keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan dan nilai jualan mengikut negeri dan daerah. Maklumat bagi keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan dan nilai jualan adalah merujuk kepada lokasi di mana aktiviti penanaman lada dijalankan.

## 2.0 LATAR BELAKANG


**Lada** atau *Piper nigrum* juga dikenali sebagai ‘emas hitam’ merupakan salah satu tanaman rempah yang penting dan bernilai tinggi yang digunakan secara meluas dalam industri makanan, perubatan dan perdagangan global. Ia tergolong dalam keluarga *Piperaceae* sebagai raja rempah ratus berikutan penggunaannya yang meluas dan mendominasi perdagangan rempah ratus antarabangsa. Selain itu, keunikan lada bukan sahaja terletak pada rasanya yang pedas dan aromanya yang menyelerakan, bahkan memberi manfaat untuk kesihatan badan yang membantu meningkatkan metabolisme dan sistem pencernaan.

Negara Viet Nam merupakan negara pengeluar lada terbesar dunia yang menyumbang lebih daripada 30.0 peratus pengeluaran lada global, diikuti oleh negara Brazil, India, Indonesia dan Sri Lanka. Manakala Malaysia merupakan negara keenam pengeluar lada terbesar dunia dengan pengeluaran lada berkualiti tinggi dari Sarawak. Lada memainkan peranan utama dalam ekonomi Malaysia, di mana ia menjadi antara eksport utama yang menyumbang kepada pendapatan negara. Destinasi eksport utama lada adalah negara Jepun, China, Taiwan, Singapura dan Korea Selatan.

### 3.0 PARAMETER TANAMAN LADA

Tanaman lada merekodkan 32,201 pegangan pertanian dimana seramai 32,191 orang (99.9%) adalah terdiri daripada pegangan pertanian individu dan 10 (0.003%) adalah pegangan pertanian pertubuhan pada tahun 2023. Jumlah keluasan bertanam adalah seluas 8,362.1 hektar manakala keluasan bertuai adalah seluas 6,814 hektar dengan pengeluaran lada sebanyak 35.9 juta tan metrik. Jumlah kuantiti jualan tanaman lada merekodkan 30.7 juta tan metrik dengan nilai jualan sebanyak RM738.01 juta.

**Paparan 1: Parameter Tanaman Lada, Malaysia, 2023**




#### 3.1 Profil Pegangan Pertanian

##### 3.1.1 Malaysia

Pegangan pertanian individu mendominasi pegangan pertanian tanaman lada dengan sejumlah 32,191 yang mana seramai 404 orang pegangan pertanian individu memiliki lebih daripada satu lokasi tanaman lada. Ini menjadikan jumlah lokasi tanaman lada pegangan pertanian individu sebanyak 32,602 lokasi manakala pegangan pertanian pertubuhan merekodkan 10 pertubuhan.


**Paparan 2: Pegangan Pertanian Tanaman Lada, Malaysia, 2023**



### 3.1.2 Negeri

Sarawak merupakan pengeluar tanaman lada terbesar yang diusahakan oleh 31,715 orang (98.49%) pegangan pertanian individu, diikuti oleh Sabah dan Johor masing-masing merekodkan 321 (1.0%) orang dan 91 orang (0.28%). Manakala Terengganu dan Johor mendominasi pegangan pertanian pertubuhan dengan masing-masing merekodkan tiga pertubuhan. Bilangan pegangan pertanian pertubuhan yang direkodkan oleh negeri Sarawak, Kedah, Pahang dan Perak adalah satu pertubuhan.

### Paparan 3: Pegangan Pertanian Mengikut Negeri, Malaysia, 2023



### 3.1.3 Daerah

Tebedu, Sarawak mencatatkan seramai 3,153 orang pegangan pertanian individu, iaitu mewakili 9.8 peratus daripada jumlah keseluruhan pegangan pertanian individu pada tahun 2023. Ini diikuti oleh Serian, Sarawak dengan 2,894 (9.0%) orang pegangan pertanian individu, Julau, Sarawak seramai 2,879 (8.9%) pegangan pertanian individu, Lubok Antu, Sarawak dan Pakan, Sarawak masing-masing 2,734 (8.5%) dan 2,365 (7.3%).

Manakala Kota Tinggi, Johor dan Dungun, Terengganu mencatatkan bilangan pegangan pertubuhan tertinggi dengan masing-masing merekodkan dua pertubuhan. Enam daerah merekodkan satu pertubuhan di setiap daerah adalah Bentong, Pahang, Kinta, Perak, Kluang, Johor, Setiu, Terengganu, Sik, Kedah dan Sarikei, Sarawak.


**Paparan 4: Lima Daerah Teratas bagi Bilangan Pegangan Pertanian, Malaysia, 2023**

	Bilangan Pengusaha	Individu	Pertubuhan
Tebedu	3,153	Tebedu	3,153
Serian	2,894	Serian	2,894
Julau	2,879	Julau	2,879
Lubok Antu	2,734	Lubok Antu	2,734
Pakan	2,365	Pakan	2,365
		Kota Tinggi	2
		Sarikei	1
		Setiu	1
		Kluang	1

### 3.2. Jantina


Secara keseluruhan, tanaman lada di Malaysia telah didominasi oleh pegangan pertanian lelaki seramai 27,240 orang mewakili 84.6 peratus daripada jumlah pegangan pertanian individu. Manakala, pegangan pertanian perempuan merekodkan seramai 4,951 (15.4%) orang. Sarawak mencatatkan bilangan pegangan pertanian lelaki tertinggi dengan 26,859 orang, diikuti oleh pegangan pertanian perempuan seramai 4,856 orang. Selain itu, Sabah dan Johor masing-masing merekodkan pegangan pertanian lelaki seramai 251 orang dan 79 orang, diikuti oleh pegangan pertanian perempuan seramai 70 orang dan 12 orang.

#### Paparan 5: Pegangan Pertanian Individu Mengikut Jantina, Malaysia, 2023



### 3.3 Kewarganegaraan


Pegangan pertanian individu tanaman lada adalah terdiri daripada 32,187 orang bersamaan 99.9 peratus warganegara Malaysia manakala 4 orang (0.01%) adalah bukan warganegara



### 3.4 Etnik

Pegangan pertanian individu tanaman lada adalah terdiri daripada 100 peratus warganegara Malaysia. Etnik Bumiputera merupakan kumpulan etnik terbesar dalam pegangan pertanian tanaman lada yang merekodkan seramai 31,403 orang pegangan pertanian individu, mewakili 97.6 peratus pada tahun 2023. Ini diikuti oleh etnik Cina seramai 760 orang (2.4%), India seramai 6 orang (0.02%) dan Lain-lain seramai 18 orang (0.06%).


**Paparan 6: Pegangan Pertanian Individu Mengikut Etnik, Malaysia, 2023**



### 3.5 Kumpulan Umur

Bagi perbandingan pegangan pertanian individu mengikut kumpulan umur, seramai 13,930 orang merupakan golongan warga emas yang berumur 60 tahun dan ke atas, mewakili 43.3 peratus dari jumlah pegangan pertanian. Manakala pegangan pertanian individu bagi kumpulan umur 46 hingga 59 tahun dan kumpulan umur 31 hingga 45 tahun masing-masing merekodkan 12,563 (39.0%) orang dan 5,045 (15.7%) orang. Diikuti dengan kumpulan umur 15 hingga 30 tahun seramai 653 orang (2.0%).


**Paparan 7: Pegangan Pertanian Individu Mengikut Kumpulan Umur, Malaysia, 2023**



### 3.6 Taraf Perkahwinan

Pegangan pertanian individu yang telah berkahwin merekodkan seramai 25,564 orang iaitu 79.4 peratus pada tahun 2023. Ini diikuti oleh pegangan pertanian individu yang berstatus balu/ duda dan tidak pernah berkahwin dengan masing-masing mencatatkan seramai 3,172 orang (9.9%) dan 2,665 (8.3%) orang manakala bercerai/berpisahkan mencatatkan 790 (2.5%) orang.


**Paparan 8: Pegangan Pertanian Individu Mengikut Taraf Perkahwinan, Malaysia, 2023**



### 3.6 Sijil Tertinggi Diperoleh

Majoriti pegangan pertanian individu tanaman lada masih berada pada tahap pendidikan asas atau lebih rendah. Pegangan pertanian individu yang tidak mendapat sijil adalah rekod yang tertinggi iaitu seramai 13,447 (41.5%) orang pada tahun 2023. Ini diikuti dengan pegangan pertanian individu yang berpendidikan rendah dan menengah dimana masing-masing merekodkan seramai 11,790 orang (36.6%) dan 6,503 orang (20.2%) orang. Selain itu, seramai 447 orang (1.7%) orang pegangan pertanian individu mempunyai pendidikan tertiar .

#### Paparan 9: Pegangan Pertanian Individu Mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Malaysia 2023




## 4.0 KELUASAN BERTANAM

### 4.1 Malaysia

Keluasan bertanam bagi tanaman lada mencatatkan sejumlah 8,362.6 hektar pada tahun 2023, yang disumbangkan oleh pegangan pertanian individu 7,675.0 hektar (91.8%). Penanaman lada yang diusahakan oleh pegangan pertanian individu adalah berdasarkan konsep pertanian lestari yang menekankan kelestarian alam sekitar, kesejahteraan sosial dan keuntungan ekonomi yang seimbang serta memastikan pengeluaran lada berkualiti tinggi dan mampan. Secara purata, keluasan bertanam bagi setiap pegangan pertanian individu adalah seluas 0.22 hektar. Manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 8.2 peratus iaitu 687.6 hektar daripada jumlah keluasan bertanam.

#### Paparan 10: Keluasan Bertanam Mengikut Pegangan Pertanian, Malaysia, 2023




### 4.2 Negeri

Sarawak merupakan negeri utama yang mendominasi keluasan bertanam lada bagi pegangan pertanian individu dengan keluasan 7,613.3 hektar, iaitu 90.6 peratus daripada jumlah keseluruhan keluasan bertanam. Seterusnya, pegangan pertanian individu Sabah dan Johor masing - masing merekodkan keluasan bertanam seluas 31.4 hektar dan 12.6 hektar.

Sebahagian besar keluasan bertanam Terengganu disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan iaitu sebanyak 581.1 hektar (84.5%). Ini diikuti oleh Kedah dan Johor masing - masing pegangan pertanian pertubuhan menyumbang sebanyak 59.9 hektar (8.7%) dan 34.4 hektar (5.0%).

### Paparan 11: Keluasan Bertanam Mengikut Negeri, Malaysia, 2023




### 4.3 Daerah

Tiga daerah teratas di negeri Sarawak mencatatkan keluasan bertanam lada tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah Julau dengan keluasan bertanam seluas 1,065.5 hektar (13.9%). Ini diikuti oleh Tebedu yang menyumbang keluasan bertanam sebanyak 814.4 hektar (10.6%) dan Betong dengan 707.6 hektar (4.7%).

Setiu, Terengganu merekodkan pegangan pertanian pertubuhan yang tertinggi dengan keluasan bertanam lada seluas 579.5 hektar (84.3%). Manakala, Sik, Kedah dan Kota Tinggi, Johor masing - masing menyumbang keluasan bertanam seluas 59.9 hektar (8.7%) dan 32.7 hektar (4.7%).

**Paparan 12: Keluasan Bertanam Mengikut Tiga Daerah Teratas, Malaysia, 2023**




## 5.0 KELUASAN BERTUAI

### 5.1 Malaysia

Pokok lada akan mencapai kematangan dan dapat dituai dalam jangka masa dua hingga tiga tahun. Pada tahun 2023, seluas 6,814.2 hektar pokok lada telah matang dan telah dituai. Sumbangan terbesar kepada keluasan bertuai direkodkan oleh pegangan pertanian individu yang menyumbang seluas 6,707.0 hektar (98.3%). Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula menyumbang seluas 107.3 hektar (1.7%) kepada keluasan bertuai.

### Paparan 13: Keluasan Bertuai Mengikut Pegangan Pertanian, Malaysia, 2023




### 5.2 Negeri

Tiga negeri teratas yang menyumbang sebahagian besar keluasan bertuai adalah Sarawak, Sabah dan Johor. Sarawak merupakan penyumbang utama keluasan bertuai tanaman lada bagi pegangan pertanian individu dengan seluas 6,651.1 hektar, mewakili 99.2 peratus daripada jumlah keseluruhan kawasan bertuai. Ini diikuti oleh Sabah dan Johor dengan masing – masing merekodkan keluasan bertuai sebanyak 28.3 hektar (0.4%) dan 11.5 hektar (0.2%).

Bagi pegangan pertanian pertubuhan, Kedah menyumbang keluasan bertuai sebanyak 59.9 hektar, iaitu 55.9 peratus daripada jumlah keseluruhan keluasan bertuai. Manakala, pegangan pertanian pertubuhan Johor dan Sarawak masing-masing mencatatkan keluasan bertuai seluas 34.4 hektar (32.1%) dan 8.5 hektar (7.9%).

**Paparan 14: Keluasan Bertuai Mengikut Negeri, Malaysia, 2023**




### 5.3 Daerah

Tiga daerah di negeri Sarawak telah merekodkan keluasan bertuai tertinggi bagi tanaman lada dengan sumbangan 32.9 peratus pada tahun 2023. Pegangan pertanian individu di Julau telah menyumbang keluasan bertuai seluas 960.0 hektar (14.3%), diikuti oleh Betong sebanyak 628.2 hektar (9.4%) dan Tebedu sebanyak 614.5 hektar (9.2%).

Bagi pegangan pertanian pertubuhan, Sik, Kedah merupakan penyumbang terbesar keluasan bertuai bagi tanaman lada dengan keluasan bertuai sebanyak 59.9 hektar (55.6%). Seterusnya, Kota Tinggi, Johor dan Pakan, Sarawak merekodkan keluasan bertuai sebanyak 32.4 hektar (29.6%) 8.5 hektar (8.3%).

**Paparan 15: Keluasan Bertuai Mengikut Tiga Daerah Teratas, Malaysia, 2023**




## 6.0 KUANTITI PENGELUARAN

### 6.1 Malaysia

Malaysia kekal sebagai negara pengeluar lada di peringkat global dengan mencatatkan jumlah pengeluaran sebanyak 35,942.2 tan metrik pada tahun 2023, diterajui oleh pegangan pertanian individu dengan jumlah pengeluaran lada sebanyak 35,833.7 tan metrik (99.7%). Manakala, pegangan pertanian pertubuhan menyumbang sebanyak 108.6 tan metrik (0.3%) bagi pengeluaran tanaman lada.

#### Paparan 16: Kuantiti Pengeluaran Mengikut Pegangan Pertanian, Malaysia, 2023




### 6.2 Negeri

Pada tahun 2023, Sarawak merupakan pengeluaran lada tertinggi dengan merekodkan jumlah pengeluaran sebanyak 35.6 juta tan metrik (99.4%) yang majoritinya disumbangkan oleh pegangan pertanian individu. Selain itu, Sabah dan Johor turut menyumbang kepada pengeluaran lada dengan masing-masing mencatatkan kuantiti pengeluaran sebanyak 137.5 ribu tan metrik (0.38%) dan 49.1 tan metrik (0.1%).

Manakala pegangan pertanian pertubuhan disumbangkan oleh Johor dengan kuantiti pengeluaran sebanyak 72.6 ribu tan metrik, mewakili 66.8% daripada jumlah keseluruhan. Ini diikuti oleh Kedah dan Perak dengan sumbangan pengeluaran lada masing – masing sebanyak 18.0 ribu tan metrik (16.6%) dan 8.9 ribu tan metrik (8.2%).

## Paparan 17: Kuantiti Pengeluaran Mengikut Negeri, Malaysia, 2023




### 6.3 Daerah

Tiga daerah teratas mencatatkan kuantiti pengeluaran lada tertinggi diterajui pegangan pertanian individu pada tahun 2023. Julau, Sarawak merupakan daerah penyumbang pengeluaran lada utama dengan kuantiti pengeluaran berjumlah 5.1 juta tan metrik iaitu 14.3 peratus daripada keseluruhan kuantiti pengeluaran. Manakala, Tebedu, Sarawak merekodkan sumbangan pengeluaran lada sebanyak 3.5 juta tan metrik (9.5%) dan Serian, Sarawak sebanyak 3.3 juta tan metrik (9.2%).

Sementara itu, pengeluaran tertinggi lada bagi pegangan pertanian pertubuhan direkodkan di Kota Tinggi, Johor dengan kuantiti pengeluaran sebanyak 63.8 ribu tan metrik (29.6%). Ini diikuti oleh Sik, Kedah dan Kinta, Perak dengan masing-masing menyumbang kuantiti pengeluaran sebanyak 18.0 ribu tan metrik (16.6%) dan 8.9 ribu tan metrik (8.2%).

**Paparan 18: Kuantiti Pengeluaran Mengikut Tiga Daerah Teratas,**

**Malaysia, 2023**




## 7.1 KUANTITI JUALAN DAN NILAI JUALAN

### 7.1 Malaysia

Pada tahun 2023, kuantiti jualan lada mencatatkan 30.7 juta tan metrik dengan nilai jualan mencecah RM738.01 juta. Pegangan pertanian individu menyumbang sebahagian besar kuantiti jualan lada negara iaitu sebanyak 30.6 juta tan metrik, mewakili 99.7 peratus daripada jumlah keseluruhan dengan merekodkan nilai jualan sebanyak RM735.2 juta (99.6%).

Manakala, pegangan pertanian pertubuhan menyumbang kuantiti jualan sebanyak 94.1 ribu tan metrik (0.3%) dengan nilai jualan berjumlah RM2.80 juta (0.4%).

### Paparan 19: Kuantiti Jualan dan Nilai Jualan mengikut Pegangan Pertanian,Malaysia, 2023



### 7.2 Negeri

Sarawak merekodkan kuantiti jualan dan nilai jualan lada tertinggi iaitu masing – masing menyumbang sebanyak 30.4 juta tan metrik (99.3%) dan RM730.48 juta (99.4%). Manakala, Sabah mencatatkan sumbangan nilai jualan berjumlah 128.9 ribu tan metrik (0.42%) dengan nilai jualan sebanyak RM2.83 juta (0.4%). Seterusnya, Johor menyumbang kuantiti jualan lada sebanyak 50.2 ribu tan metrik (0.16%) dan nilai jualan RM1.16 juta (0.2%).

Bagi pegangan pertanian pertubuhan pula, Johor merekodkan kuantiti jualan tertinggi iaitu sebanyak 60.5 ribu tan metrik (64.3%) dengan nilai jualan berjumlah RM1.67 juta (59.4%). Ini diikuti oleh pegangan pertanian pertubuhan Kedah dan Perak dengan kuantiti jualan masing - masing menyumbang sebanyak 18.0 ribu tan metrik (19.1%) dan 8.9 ribu tan metrik (8.2%). Jumlah nilai jualan bagi Kedah dan Perak merekodkan RM484.60 ribu (17.3%) dan RM498.36 (17.8%).

## Paparan 20: Kuantiti Jualan dan Nilai Jualan Mengikut Negeri, Malaysia, 2023




### 7.3 Daerah

Julau, Sarawak merekodkan kuantiti jualan lada tertinggi sebanyak 4.56 juta tan metrik dengan nilai jualan berjumlah RM109.55 juta. Ini diikuti Pakan, Sarawak yang menyumbang kuantiti jualan lada sebanyak 2.84 juta tan metrik dengan nilai jualan bernilai RM68.15 juta. Serian, Sarawak merekodkan kuantiti jualan lada sebanyak 2.7 juta tan metrik dengan nilai jualan sebanyak RM64.97 juta.

Bagi pegangan pertanian pertubuhan, Kota Tinggi, Johor merupakan penyumbang kuantiti jualan lada berjumlah 51.78 ribu tan metrik dengan nilai jualan sebanyak RM1.49 juta. Manakala, Sik, Kedah dan Kinta, Perak masing - masing mencatatkan kuantiti jualan lada sebanyak 18.0 ribu tan metrik dan 8.9 ribu tan metrik dengan nilai jualan berjumlah RM484.62 ribu RM498.36 ribu.

#### Paparan 21: Kuantiti Jualan dan Nilai Jualan Mengikut Tiga Daerah Teratas, Malaysia 2023



## INDUSTRI TANAMAN LADA DI MALAYSIA

Sharuddin Shafie<sup>1</sup>, Fariza Kambut<sup>2</sup>, Syafawati Abdul Refai<sup>1</sup>,  
 Mohamad Hasrolsafwan bin Abu Hassan<sup>2</sup>, Muhamad Hakim Bin Mohd Zaidi<sup>2</sup>  
 Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan<sup>1</sup>  
 Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar<sup>2</sup>,

### PENGENALAN

Lada yang berasal dari wilayah pesisir barat India, merupakan antara rempah bernilai tinggi yang telah digunakan secara meluas sejak lebih 2,000 tahun lalu. Penyebaran tanaman ini ke rantau Asia Tenggara berlaku melalui jaringan perdagangan maritim, yang memainkan peranan penting dalam memperkenalkan lada ke pelbagai wilayah tropika.

Di Malaysia, tanaman lada dipercayai telah mula diperkenalkan sekitar abad ke-19, dengan penanaman secara komersial bermula seawal tahun 1840-an di Sarawak. Penanaman ini digerakkan oleh masyarakat tempatan, terutamanya komuniti Dayak dan Hakka, yang memanfaatkan kesesuaian tanah dan iklim tropika basah Sarawak untuk tujuan pertanian rempah (Entebang et al., 2020; MPB, 2022).

Sarawak telah berkembang sebagai negeri utama penanaman lada negara, menyumbang lebih 90 peratus daripada pengeluaran nasional. Usaha pengukuhan industri ini terus dipacu oleh kerajaan melalui pelbagai inisiatif termasuk program penyelidikan, pembangunan teknologi, serta promosi berterusan di pasaran antarabangsa oleh Lembaga Lada Malaysia (MPB), pelaksanaan pensijilan amalan pertanian baik, serta promosi pasaran antarabangsa melalui kerjasama strategik bersama agensi perdagangan seperti MATRADE.

Ini selaras dengan objektif Dasar Agromakanan Negara dan Pelan Transformasi Industri Lada Malaysia (MPB, 2023). Keadaan ini sekali gus meletakkan lada Malaysia terutamanya Lada Sarawak sebagai antara produk eksport berpotensi tinggi di pasaran global.

Di Malaysia, beberapa varieti lada telah ditanam secara komersial yang menghasilkan biji lada yang berkualiti dan menjadi pilihan di kalangan pekebun lada, terutamanya di Sarawak adalah:

- i. **Varieti Semonggok Emas** merupakan varieti yang terkenal dengan hasil yang tinggi dan buah yang lebih sekata, membolehkan penuaian dilakukan dalam jumlah yang lebih sedikit berbanding varieti lain. Ia juga lebih tahan terhadap serangan penyakit tertentu;

- ii. **Varieti Semonggok Aman** lebih dikenali kerana daya tahan yang baik terhadap penyakit dan perosak, serta menghasilkan buah lada berkualiti tinggi; dan
- iii. **Varieti Kuching** merupakan varieti yang paling banyak ditanam, tetapi memerlukan lebih banyak penuaian kerana buahnya tidak masak secara serentak.

**Paparan 1: Tanaman Lada Mengikut Varieti Lada**

Varieti Semonggok Emas	Varieti Semonggok Aman	Varieti Kuching
		

Sumber: Lembaga Lada Malaysia

Lada adalah tanaman komoditi yang menjalar dan apabila ia matang akan menghasilkan buah kecil berbentuk bulat yang akan diproses menjadi pelbagai jenis produk lada seperti lada hitam, lada putih dan lada hijau. Selain itu, proses tradisional seperti rendaman dan pengeringan semula jadi masih digunakan oleh pekebun kecil untuk memastikan kualiti produk lada tetap terpelihara (MPB,2024).

Bagi memastikan pengeluaran tanaman lada yang berkualiti dan berdaya saing di pasaran, beberapa faktor turut mempengaruhi tumbesaran biji lada seperti berikut:

#### Kondisi tanah dan iklim

Tanaman lada memerlukan tanah yang gembur, mempunyai saliran yang baik dan kaya dengan bahan organik. Selain itu, iklim panas dan lembap dengan taburan hujan tahunan di antara 2,000 hingga 3,000 mm sangat sesuai untuk pertumbuhan lada.

### Amalan agronomi yang betul

Amalan Agronomi merujuk kepada teknik dan kaedah pertanian yang digunakan untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti hasil tanaman lada secara mampan. Ini termasuk penyediaan tanah, pemilihan varieti lada yang sesuai, penyediaan sokongan seperti tiang dan dawai untuk memanjang, jarak tanaman dan penyelenggaraan ladang seperti membaja, merumpai dan memangkas secara berkala. Pekebun yang mengamalkan teknik pertanian moden dan lestari kebiasaannya akan memperoleh hasil tuaian yang lebih baik. Penggunaan baja organik dan teknik kawalan perosak secara biologi juga memberi kesan positif terhadap kesuburan tanah dan kesihatan tanaman.

### Pengurusan penyakit dan perosak

